

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Isnin, 2 Januari 2023

1.	Lembu berkeliaran undang resah
2.	Dedak tempatan boleh bantu turun harga ayam
3.	Kerbau, lembu 'kuasai' jalan di sekitar dengkil

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Binatang ternakan dibiarkan bebas tanpa ditambat oleh pemilik

Lembu berkeliaran undang resah

Oleh EDDY HAMIDI


SEPANG – Penduduk di sekitar Dengkil di sini, bimbang mengenai keselamatan mereka ekoran kemunculan puluhan ekor lembu dan kerbau yang boleh mengundang kemalangan kepada pengguna jalan raya terutamanya pada waktu malam.

Penduduk, Azwan Muhamad, 30-an, berkata, dia mula menyedari kemunculan haiwan berkenaan sejak enam bulan lalu dan mendakwa bilangannya makin bertambah.

"Lembu-lembu itu dibiarkan bebas bergerak di kawasan Dengkil, Kampung Ahmad Razali dan Jenderam Hilir yang sudah pastinya mengundang risiko nahas.

"Baru-baru ini, sebuah kereta jenis Perodua Myvi seorang penduduk di sini rosak teruk selepas merempuh tiga ekor lembu yang berada di atas jalan di Jenderam Hilir," katanya kepada *Kosmo!*.

Azwan berkata, setakat semalam bangkai-bangkai lembu itu masih berada di tepi jalan.



BEGINILAH keadaan sebuah kereta Perodua Myvi yang remuk selepas merempuh tiga ekor lembu ketika melalui Jalan Jenderam-Bangi di Dengkil baru-baru ini.

Menurut Azwan, kesemua haiwan ternakan tersebut dipercayai bertuan, namun sehingga kini masih tiada sesiapa yang mengaku.

"Sudah beberapa kali penduduk di sini membuat aduan, namun masih tiada tindakan yang diambil. Penduduk juga ada menghubungi polis selepas bilangan lembu makin bertambah.

"Diharapkan perkara ini mendapat perhatian pihak berkaitan kerana kemunculan lembu-lembu itu sangat berbahaya," ujarnya.

Sementara itu, tinjauan di laman media sosial, kebimbangan sama turut disuarakan oleh beberapa individu yang mendakwa kemalangan melibatkan haiwan tersebut telah beberapa kali berlaku.

"Tolonglah letak lampu jalan di sini kerana sudah ramal yang terlibat kemalangan dengan ternakan ini. Tuan lembu tolonglah bertanggungjawab, jangan biarkan lembu merayau ke tengah jalan," kata Farzana.

Dedak tempatan boleh bantu turun harga ayam

SAUDARA PENGARANG,

FORMULA Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli bahawa kalau ayam mahal, kurangkan makan ayam adalah hipotesis mudah dalam ekonomi. Maksudnya, kenaikan harga akan mendorong kepada pengurangan permintaan. Ini bermakna, tinggi permintaan, maka tinggillah harga dan jika kurang permintaan maka harga akan lebih murah.

Formula yang sama pernah disarankan oleh bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek; bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar sebelum ini adalah benar namun ketika itu mereka dihentam oleh pembangkang terutama Rafizi sendiri.

Namun apabila beliau dalam Kabinet, formula yang dahulunya dikecam teruk digunapakai sekali gus 'disucikan'.

Sebenarnya formula ini tidak salah dari segi ekonomi, namun rakyat sangat tidak menyukainya kerana mereka mahu kerajaan mencari penyelesaian tuntas, bukannya meletakkan semula kepada rakyat dengan menyuruh itu dan ini demi menurunkan harga.

Menyekat pembelian sesuatu barang keperluan adalah langkah masa pendek. Sampai bila rakyat perlu menahan diri dari membeli ayam sedangkan jika dilihat punca utama kenaikan harga ayam adalah orang tengah dan penternak terpaksa menanggung kos peningkatan operasi apabila dedak ayam iaitu jagung yang diimport dari luar negara tidak berkualiti hingga menjadikan pembesaran ayam lambat.

Oleh itu, mengapa tidak kerajaan merancang untuk mengkaji dan menghasilkan dedak ayam tempatan untuk skala besar. Ini dapat membantu mengurangkan harga pasaran ayam sekali gus membuka ruang perniagaan untuk kita mengeksport pula ke negara luar. Namun, pastikan keperluan dalam negara dipenuhi terlebih dahulu.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menawarkan formula baharu untuk pemain industri bagi menyelesaikan masalah berkaitan tumbesaran dan kesihatan ayam sehingga menyebabkan bekalan bahan makanan itu terjejas.

Tetapi difahamkan syarikat-syarikat pembuatan dedak ayam atau makanan ternakan sudah mempunyai formula tersendiri menyebabkan mereka sukar untuk beradaptasi atau 'tidak berminat' dengan teknologi ditawarkan MARDI.

Jadi mungkin kerajaan boleh memainkan peranan dengan berani untuk menggalakkan industri berubah, namun perlu dipastikan bahawa protein dan tenaga yang ada dalam dedak ayam setanding atau hampir sama dengan yang diimport sebelum ini.

“
Oleh itu, mengapa tidak kerajaan merancang untuk mengkaji dan menghasilkan dedak ayam tempatan untuk skala besar.

MAWAR BERDURI
Selangor

Kerbau, lembu 'kuasai' jalan di sekitar Dengkil

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamula.com.my

SEPANG: Puluhan ekor lembu dan kerbau berkeliaran tanpa tuan di sekitar Dengkil mencestuskan kebimbangan kepada penduduk kerana mengundang kemalangan jalan raya.

Ini terutama ketika waktu malam apabila pengguna jalan raya tidak nampak haiwan-haiwan itu sehingga ada kenderaan rosak teruk selepas merempuh haiwannya.

Seorang penduduk, Azwan Muhammad memberitahu, dia mula menyedari kemunculan gerombolan haiwan itu sejak enam bulan lalu dan bilangannya semakin bertambah sehingga mengganggu kelancaran lalu lintas.

"Lembu-lembu ini dibiarkan tanpa pengawasan dan bebas bergerak di kawasan Dengkil, Kampung Ahmad Razali dan Jenderam yang pastinya mengundang risiko terutamanya kepada pengguna jalan raya.

"Kelmarin di Jenderam Hilir, kereta seorang penduduk di sini rosak teruk selepas merempuh


tiga ekor lembu yang berada di jalan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Azwan, sehingga hari ini bangkai-bangkai lembu yang mati akibat rempuhan tersebut masih lagi dibiarkan di tepi jalan tanpa dipedulikan sesiapa.

Katanya, kesemua haiwan ternakan tersebut dipercayai bertuan, namun tidak dapat dipastikan pemiliknya dan sehingga kini masih tiada siapa yang ingin mengaku lebih-lebih lagi setelah berlaku kemalangan.

"Sudah beberapa kali penduduk di sini membuat aduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) namun masih tiada tindakan diambil, malah semalam pihak polis turut dihubungi kerana penduduk risau melihat bilangan lembu yang banyak.

"Diharapkan perkara ini mendapat perhatian pihak berkaitan kerana kemunculan lembu-lembu ini tanpa pengawasan meningkatkan kemungkinan berlakunya kemalangan yang boleh meragut nyawa," jelas beliau.



SEBAHAGIAN haiwan ternakan yang berada berhampiran jalan di sekitar Dengkil, Selangor.